

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1993/94**

**April 1994**

**IQK 406/2 - SUSUNATUR KILANG DAN PENGENDALIAN BAHAN**

**Masa : [2 jam]**

---

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **LIMA (5)** mukasurat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA (5)** soalan, sekurang-kurangnya **DUA (2)** soalan dari setiap bahagian. Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

BAHAGIAN A

1. (a) Terangkan apa yang dimaksudkan dengan sebutan "susunatur kilang".

(25 markah)

- (b) Mengapakah penting bagi pegawai yang menjalankan susunatur untuk mempunyai:-

- (i) Pengetahuan tentang sistem kos yang digunakan oleh syarikatnya.
- (ii) Pengetahuan mendalam tentang semua aspek produk yang dikaji.
- (iii) Pengetahuan asas tentang keselamatan dalam kilang dan Akta Kilang (Factories Act).

(75 markah)

2. (a) Terangkan dengan jelas bagaimana dapat anda gunakan teknik-teknik fotografi untuk merekodkan semua aktiviti yang berlaku di kawasan pemunggahan (loading/unloading bay) sesebuah gudang. Bagaimanakah dapat anda gunakan maklumat ini untuk tujuan kajian kerja (work study)?

(50 markah)

2. (b) Huraikan dalam keadaan bagaimanakah dan untuk tujuan apa kita menggunakan tenaga elektrik dan tenaga internal combustion (IC) engine bagi kelengkapan-kelengkapan pengendalian bahan seperti fork-lift truck, traktor, dan lain-lain lagi.

(50 markah)

3. (a) Huraikan apa yang dimaksudkan dengan sebutan "in-process handling" dan bagaimana ia mempengaruhi sistem pengendalian bahan yang digunakan.

(50 markah)

- (b) Perihalkan jenis-jenis sistem pengendalian bahan yang digunakan untuk bahan-bahan yang disebut bulk materials seperti cecair, serbuk atau granule. Apakah langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil?

(50 markah)

**BAHAGIAN B**

4. (a) Nyatakan objektif umum kawalan pengeluaran.

(20 markah)

- (b) Huraikan bagaimana ukuran keupayaan produktif pekerja dan mesin yang tidak jitu, dan kaedah peruntukan kerja yang tidak longgar (tidak fleksibel), boleh menyebabkan kawalan pengeluaran yang tidak memuaskan.

(40 markah)

4. (c) Huraikan suatu contoh di mana ketiadaan interaksi di antara kawalan stok dan kawalan pengeluaran boleh menyebabkan situasi yang porak peranda.

(40 markah)

5. (a) Nyatakan 2 kaedah menempatkan stok.

(20 markah)

(b) Huraikan perbezaan di antara kedua-dua kaedah ini, dan terangkan serba sedikit kebaikan dan keburukan mereka.

(20 markah)

(c) Dalam kawalan stok, apakah soalan-soalan yang perlu ditanya?

(20 markah)

(d) Senaraikan dan huraikan serba sedikit kelas-kelas kos inventori.

(40 markah)

6. Bayangkan yang kamu telah diminta untuk merombak susunatur kilang kamu, supaya keupayaan pengeluaran boleh ditambah. Kamu diminta menulis suatu lapuran mengenai cadangan susunatur kilang yang baru.

- (a) Senaraikan orang-orang yang kamu akan panggil, yang akan menjadi anggota jawatankuasa kecil kamu. Nyatakan mengapa kamu memilih orang-orang ini.

(50 markah)

- (b) Senaraikan langkah-langkah yang kamu akan ambil untuk menjalankan tugas ini, termasuk soalan-soalan yang kamu hendak tanyakan di sepanjang proses ini.

(50 markah)

oooooooooooooooooooo